

03 AUG 1996  
LEAD UMNO  
UMNO HARAM SEMUA AKTIVITI BERBENTUK KEMPEN

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO (MT) hari ini membuat keputusan mengharamkan semua bentuk kempen sama ada secara terang atau sulit menjelang pemilihan parti Oktober ini dan akan memecat mana-mana anggota yang melanggar arahan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO berkata MT terpaksa berbuat demikian kerana terdapat ahlinya yang menggunakan kedudukan sebagai anggota perwakilan ke perhimpunan agung parti mengugut calon-calon yang perlukan undi mereka.

"Ada beberapa orang, ramai juga boleh dikatakan, yang menggunakan kedudukan mereka sebagai wakil ke perhimpunan agung untuk memeras ugut dengan berjumpa calon-calon untuk minta wang, minta tiket kapal terbang dan macam-macam lagi... jika tidak mereka tidak akan undi.

"MT buat keputusan kalau kita dapati sesiapa berbuat demikian dengan jelas maka mereka akan dipecat daripada menjadi ahli UMNO kerana kita tidak hendak orang macam ini jadi ahli UMNO," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan MT di ibu pejabat parti di sini.

Dr Mahathir berkata kegiatan setiap anggota perwakilan, terutama yang sering datang ke ibu negara atau pergi ke negeri-negeri lain untuk menemui calon, akan diawasi oleh "Special Branch" yang dilantik oleh ibu pejabat parti bagi memastikan mereka tidak melanggar arahan itu.

Perdana Menteri berkata MT memutuskan semua acara parti sempena sambutan 50 tahun UMNO ditangguhkan sehingga selesai pemilihan bagi mengelak kegiatan berkempen untuk pemilihan Oktober ini.

Beliau berkata semua konvensyen UMNO negeri, pelancaran Rukun Pemuda, pelancaran buku pergerakan Wanita dan anugerah tokoh veteran UMNO ditangguhkan sehingga selepas perhimpunan agung.

Bilik operasi yang ditubuhkan oleh calon-calon juga hendaklah ditutup serta merta, katanya.

"Mereka tidak perlu ada bilik-bilik operasi, dan calon-calon juga tidak perlu hantar surat, hantar kad pengenalan serta apa juga bentuk untuk memperkenalkan diri," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata calon-calon tidak perlu menghantar ucapan tahniah kepada anggota-anggota parti yang berjaya dipilih sebagai wakil ke perhimpunan agung pada persidangan perwakilan bahagian.

"Saya bagi pihak ibu pejabat akan menghantar ucapan tahniah kepada mereka yang berjaya," katanya.

Semasa ditanya sama ada tindakan MT itu memberi kelebihan kepada mereka yang kini memegang jawatan, Dr Mahathir berkata halangan berkempen itu untuk memastikan "yang bersih sahaja patut berada dalam UMNO".

Beliau berkata anggota perwakilan mesti membuat pilihan berdasarkan prestasi seseorang calon dan kemampuannya untuk memimpin.

"Jika seseorang itu baik dan terkenal di peringkat cawangan pasti ia akan dipilih ke peringkat bahagian, selepas itu ke peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat pusat," katanya.

Pada masa dulu pun, Tunku Abdul Rahman tidak berkempen, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn juga tidak berkempen, katanya.

"Ada juga orang sebelum dipilih nampak cantik tetapi selepas dipilih kotor," katanya.

Semasa ditanya adakah keputusan MT itu berhasrat untuk mengekalkan status quo, Dr Mahathir tersenyum dan berkata: "Kita hanya mahukan yang bersih dalam Umno."

Kepada soalan sama ada keadaan politik wang dan gejala ugutan membimbangkannya, beliau berkata buat masa ini keadaan seperti itu belum berlaku secara menyeluruh dalam UMNO kerana yang terdapat hanya satu dua kes saja.

"Kita perlu bendungkan sebelum ia melarat," katanya. -- BERNAMA  
SJA MAI